

... dan kemudian dengan menggunakan tongkat dan berkerusi roda kerana jari kakinya terpaksa dipotong," katanya ketika ditemui selepas majlis konvokesyen universiti ini.

Menurut bapanya, Maidin Ibrahim, 64, anaknya menangis semenjak kemalangan membabitkan motosikal yang ditungganginya bersama sebuah motosikal lain.

"Akibat kemalangan itu, Norfarahuda terpaksa menggunakan tongkat dan berkerusi roda kerana jari kakinya terpaksa dipotong," katanya ketika ditemui selepas majlis konvokesyen itu.

Akibat desakan daripada graduan Ijazah Keusahawanan ini, maka ibu dan bapanya terpaksa akur untuk membawa anak mereka mengambil ijazah selepas mendapat persetujuan dari pihak Jabatan Hal Ehwal Akademik untuk membenarkan anak mereka menggunakan kerusi roda untuk menerima ijazah.

Beliau yang bercita-cita untuk mengusahakan perniagaan sendiri adalah antara 4,190 graduan yang menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen selama tiga hari mulai 31 Oktober hingga 2 November 2010.

Sempena konvokesyen kali ke-23 ini seorang menerima Ijazah Kehormat, 52 graduan Ijazah Doktor Falsafah, tujuh graduan Doktor Pentadbiran Perniagaan, 657 graduan Ijazah Sarjana, 2,906 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 567 graduan Diploma Lepas Ijazah (Diploma Pendidikan).

Habis.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my